



Call to Industry (CTI)

PERKARA	PENGUNAAN PIAWAIAN EUROCODES		
DIKELUARKAN OLEH	PENGUATKUASAAN DAN PEMATUHAN		
TARIKH DIKELUARKAN	27 NOVEMBER 2025	TARIKH MANSUH	-
NO PINDAAN	-		

TUJUAN:

Call to Industry (CTI) ini berfungsi sebagai makluman kepada pihak berkepentingan bahawa pelaksanaan penggunaan piawaian *Eurocodes* dan *European Standards* untuk kegunaan industri pembinaan secara berperingkat akan bermula **01 Januari 2026** bagi tempoh peralihan selama **lima (5) tahun** dan keperluan menggunakan piawaian ini adalah mengikut Seksyen 72, Akta Kawalan Bangunan Penggal 256. Pihak berkepentingan adalah digalakkan untuk menggunakan piawaian *Eurocodes* dan *European Standards* semasa membuat rekabentuk dan seterusnya semasa menghadapi permohonan bagi kebenaran pelan bagi kerja-kerja bangunan (*approval of plans of building works*) kemajuan melalui onebiz.

Tempoh peralihan ini adalah untuk memberikan ruang bagi pihak industri pembinaan menyesuaikan diri dalam penggunaan piawaian *Eurocodes* dan *European Standards* daripada piawaian rekabentuk struktur *British Standards*. Oleh yang demikian, disarankan bagi pihak industri pembinaan memahami dan mengetahui aspek *Structural Design Calculation*, mengenalpasti piawaian bagi melaksanakan ujian bahan binaan dan aspek berkaitan bagi persediaan menggunakan piawaian *Eurocodes* dan *European Standard* dalam melaksanakan kemajuan di bawah industri pembinaan.

Dalam tempoh tersebut, pihak Autoriti akan memantau dan meningkatkan usaha bagi kesediaan (*readiness*) pihak industri pembinaan dalam penggunaan piawaian *Eurocodes* dan *European Standard* sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya pada **1 Januari 2031**.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai piawaian *Eurocodes* dan *European Standard*, pihak berkepentingan boleh merujuk dan mendapatkan kursus mengenai piawaian tersebut daripada *training provider* yang bersesuaian.

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi

Emel: enforcement.ABCi@mod.gov.bn

Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365

- TAMAT -



Call to Industry (CTI)

TOPIC	THE USE OF EUROCODES STANDARDS		
ISSUED BY	ENFORCEMENT AND COMPLIANCE SECTION		
ISSUE DATE	27 NOVEMBER 2025	EXPIRY DATE	-
REVISION NO	-		

PURPOSE:

This Call to Industry (CTI) serves as an information to stakeholders that the implementation of the use of Eurocodes standards and European Standards in phases will begin from **01 January 2026** for a grace period of **five (5) years** and the requirement to use these standards is in accordance with Section 72, Building Control Act (Cap 256). Stakeholders are encouraged to refer to the Eurocodes Standards and European Standards when designing and subsequently, upon applications for approval of plans for building works via the onebiz system.

The grace period for **five (5) years** is to allow stakeholders from construction industry an ample time to familiarize themselves with the use of Eurocodes standards and European standards during this transition from British Standards on Structural Design. It is highly recommended that relevant stakeholders in the construction industry to know and understand the aspects of Structural Design Calculation, are able to identify the standards for conducting construction material testing, and other related aspects in preparation for the implementation of Eurocode Standard and European Standards in carrying out developments under the Construction Industry.

Within this grace period, the Authority will ensure and monitor the readiness of the industry in the use of the Eurocodes Standard and European Standards before it is being fully implemented on **1 January 2031**.

For further information on Eurocode Standards and European Standards, relevant stakeholders can refer to relevant training providers for upskilling and training on the use of such standards.

For further clarifications, please contact

Email: enforcement.ABCi@mod.gov.bn

Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365

- END -